



JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR
Tingkat 1, Menara Selatan,
Bangunan Sultan Idris Shah,
No. 2, Persiaran Masjid, Bukit SUK, Seksyen 5,
40676 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-5514 3600
Fax : 03-5510 3368
Laman Web : www.jais.gov.my
Email : info@jais.gov.my



Ruj. kami : JAI.Sel.BPM/01/018/7 ()
Tarikh : 7 Jamadilawal 1441H
3 Januari 2020M



Jawatankuasa Pembangunan
Masjid Baitur Rahman,
Lot 22864,Jalan Sari Ilmia, Alam Sari,
43000 Kajang, Selangor.

Tuan,

KELULUSAN PERMOHONAN MEMBINA MASJID BAITUR RAHMAN JALAN SARI ILMIA, ALAM SARI 43000 KAJANG SELANGOR

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa *Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid Dan Surau Negeri Selangor Bil.6/2019 pada 13 Disember 2019* telah bersetuju memberi kebenaran dan meluluskan permohonan tuan secara bersyarat untuk membina sebuah Masjid tetap di atas kawasan rezab Masjid Baitur Rahman

3. Sehubungan itu, pihak tuan dikehendaki mematuhi perkara-perkara berikut :-

- 3.1 Pengesahan Arah Qiblat (Bahagian Falak, Jabatan Mufti Negeri Selangor, Tingkat 7&8, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah, Persiaran Masjid, 40000 Shah Alam, No. Telefon: 03-55143718 / 3717).
- 3.2 Membuka akaun wakaf khas pembinaan surau di Perbadanan Wakaf Selangor
- 3.3 Memasukkan keseluruhan hasil kutipan dan dana sumbangan ke dalam akaun wakaf khas pembinaan surau di Perbadanan Wakaf Selangor (PWS).
- 3.4 Mengemukakan dan mendapatkan kelulusan susunatur pelan bangunan daripada Unit Pembangunan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

KELULUSAN PERMOHONAN MEMBINA MASJID BAITUR RAHMAN JALAN SARI ILMIA, ALAM SARI 43000 KAJANG SELANGOR

- 3.5 Kebenaran merancang daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hanya boleh dimohon setelah dana pembinaan mencapai 50% dari kos projek.
 - 3.6 Pelan-pelan kebenaran merancang dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hendaklah mendapat tandatangan daripada pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).
 - 3.7 Kerja-kerja tanah di tapak pembinaan hanya boleh dimulakan setelah Kebenaran Merancang diperolehi daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
 - 3.8 Memaklumkan dan mendapatkan kebenaran semula jika terdapat sebarang pindaan terhadap cadangan dan juga pelan kebenaran merancang.
 - 3.9 Kelulusan ini hanya diberikan bagi tempoh 3 tahun sahaja dari tarikh kelulusan dikeluarkan. Permohonan semula hendaklah diajukan kepada pihak JAIS untuk tujuan penyambungan Senarai Ahli Jawatankuasa Penaja Pembangunan.
 - 3.10 Kelulusan ini boleh ditarik balik sekiranya pihak tuan gagal mematuhi tema yang ditetapkan oleh pihak MAIS dan JAIS seperti yang dinyatakan dalam surat ini.
 4. Bersama-sama ini disertakan senarai Jawatankuasa Penaja Pembangunan yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor Bil.6/2019 dan Carta Alir Pembinaan Dan Pendaftaran Masjid Dan Surau Negeri Selangor untuk rujukan dan tindakan pihak tuan selanjutnya.
- Sekian dimaklumkan, wassalam
- " SELANGOR MAJU BERSAMA "**
" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
- Saya yang mengalankan amanah,
- (HAZMAN BIN CHE MOHAMED)
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pengurusan Masjid
b.p Pengarah
Jabatan Agama Islam Selangor